



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4KIt.47 (04)

Tarikh : 11 Januari 2022

---

## SIARAN MEDIA

---

### KPKT LANTIK PANEL BERKEPAKARAN PERUMAHAN BAGI MELIHAT AKSESIBILITI PERUMAHAN KEPADA RAKYAT PASCA PANDEMIK

---

**PUTRAJAYA, 11 Januari 2022** – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pagi ini telah menyerahkan **Watikah Pelantikan kepada 25 orang Panel Berkepakaran (*Panel of Experts*)** bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya. **Panel Berkepakaran ini merupakan individu serta pemain industri yang mempunyai pengalaman luas serta mendalam berkaitan sektor perumahan di Malaysia secara menyeluruh.** Pelantikan ini juga merupakan antara inisiatif KPKT bagi mendapatkan pandangan serta cadangan pemegang taruh sektor perumahan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuklah bekas pegawai tinggi Kerajaan, ahli akademik, profesional, penyelidik, pakar perundangan, pemaju, persatuan pembeli rumah, ahli perbankan dan juga wakil Majlis Belia Malaysia.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata bahawa pelantikan ini merupakan satu inisiatif strategik untuk menggabungkan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran pelbagai pihak dalam membantu Kerajaan bagi melaksanakan dasar dan program perumahan yang terbaik untuk rakyat. Tambah beliau lagi, dalam isu pemilikan rumah dan penyediaan rumah untuk rakyat, **satu pendekatan baharu perlu dirangka bagi melebarkan akses pemilikan kediaman khususnya kepada generasi muda.** Ini selaras dengan hasrat KPKT untuk menggalakkan generasi muda melalui kempen “*Own at Young*” atau Miliki Rumah di Usia Muda.

Beliau turut menyatakan bahawa sektor perumahan berhadapan dengan lima cabaran, yang perlu dilihat secara bersama oleh Panel Berkepakaran ini iaitu **ketersediaan rumah (availability), aksesibiliti pemilikan rumah (accessibility), kemampuan pemilikan rumah (affordability), kualiti perumahan (quality) dan daya huni (liveability).**

YB Dato' Sri Reezal Merican juga menekankan cabaran generasi muda pada ketika ini adalah untuk menyediakan wang pendahuluan atau deposit bagi membolehkan mereka mula memiliki kediaman sendiri.

Bagi merancakkan landskap sektor hartanah perumahan serta membantu generasi muda memiliki hartanah, KPKT akan melaksanakan beberapa pendekatan seperti mengadakan Karnival Jom Beli Rumah 2022 yang antara lain menawarkan pengecualian duti setem surat cara pindahmilik dan perjanjian pinjaman perumahan dan juga memperkenalkan Skim Pembiayaan Perumahan Malaysia (SPPM) melalui kerjasama Cagamas Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

Selain itu, bagi membolehkan pencapaian matlamat 500 ribu unit rumah mampu milik dalam Rancangan Malaysia Ke-12 direalisasikan, Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) akan diadakan pada 31 Januari 2022 ini dengan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. MPMMN ini akan turut dihadiri oleh agensi Kerajaan yang berkaitan, Kerajaan Negeri serta semua pihak berkepentingan.

YB Dato' Sri Reezal Merican juga menyatakan bahawa pasukan KPKT komited dalam meningkatkan akses pemilikan rumah di kalangan rakyat khususnya golongan muda dan juga golongan B40 serta M40.

Panel Berkepakaran ini dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican sendiri selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan manakala YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur dilantik sebagai Pengerusi Ganti.

Panel Berkepakaran ini juga dianggotai oleh YBhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Pengerusi Bursa

Malaysia selain daripada YBhg. Tan Sri Arpah Abdul Razak, mantan Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Tan Sri Ahmad Zaki Ansore Mohd Yusof, mantan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM; YBhg. Datuk Zamani Abdul Ghani, mantan Timbalan Gabenor Bank Negara; YBrs. Dr Suraya Ismail, Pengarah Penyelidikan Khazanah Research Institute dan YBrs. Encik Jufitri Joha, Presiden Majlis Belia Malaysia.

Pelantikan Panel Berkepakaran ini membuktikan kesungguhan dan komitmen tinggi KPKT bagi menangani isu perumahan negara serta memastikan aksesibiliti perumahan kepada kumpulan sasar dapat dilaksanakan secara holistik bagi memenuhi aspirasi negara. Ini adalah selari dengan Agenda dan Fokus KPKT iaitu “*Liveable Malaysia*” atau Malaysia Berdaya Huni.

Majlis penyampaian watakah ini disusuli dengan Mesyuarat Panel Berkepakaran KPKT Siri 1/2022 di tempat yang sama. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri KPKT dan YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai kanan Kementerian dan agensi KPKT.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT  
#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

